

09 FEB 1999

Mahkamah-Anwar (petang)

ALASAN KONSPIRASI POLITIK TIDAK RELEVAN, KATA HAKIM

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Hakim Mahkamah Tinggi Datuk S. Augustine Paul hari ini menetapkan sebagai tidak relevan sebarang cubaan oleh pihak pembelaan untuk menunjukkan terdapat konspirasi politik terhadap bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Apa saja isu konspirasi terhadap tertuduh, jika wujud, adalah tidak relevan," katanya.

Beliau membuat keputusan itu pada hari kedua Anwar memberi keterangan membela diri. Perbicaraan masuk hari ke 52 hari ini.

Anwar menghadapi empat tuduhan rasuah menyalahgunakan kedudukannya sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan untuk campur tangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan beliau terlibat dalam salah laku seks.

Paul membuat keputusan itu selepas Anwar, yang sedang disoal oleh peguam bela utama Raja Aziz Addruse, mula menjelaskan kenapa beliau berpendapat hubungannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semakin renggang sebelum beliau dipecat daripada jawatan kabinetnya.

Anwar berkata : "Terdapat perbezaan besar antara saya sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan, dan Perdana Menteri (dalam menangani krisis kewangan dan ekonomi). Saya rasa tidak ramai yang tahu mengenainya. Pendapat saya ketika itu ialah..."

Paul mencelah dan berkata beliau tidak nampak kaitan keterangan itu kepada pertuduhan.

Raja Aziz berkata soalan-soalan yang dikemukakan ialah bagi menunjukkan ada konspirasi dan bagi menjelaskan mengenai perubahan sikap polis terhadap tertuduh, dan sebab itulah kredibiliti polis menjadi tumpuan.

Beliau berkata terdapat perubahan pada sikap pengarah cawangan khas pada masa itu, Datuk Mohd Said Awang, pada timbalan pengarah cawangan khas ketika itu Datuk Amir Junus dan pada pegawai penyiasat kes itu pada 1997 dan 1998, SAC I Musa Hassan, yang membuktikan ada konspirasi.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah, yang mengetuai pihak pendakwaan, berkata soalan mengenai konspirasi langsung tidak relevan kepada pertuduhan.

Hakim berkata pihak pembelaan perlu membuktikan bahawa Anwar tidak mengarah Mohd Said dan Amir untuk menutup dakwaan yang Anwar terlibat dalam salah laku seks bagi mengaitkannya dengan empat pertuduhan rasuah itu.

"Keterangan, jikapun ada, boleh dikemukakan untuk menunjukkan ada konspirasi oleh polis untuk mengubah pendirian mereka dan mengada-adakan bukti...tidak lebih daripada itu," kata Paul.

Semasa perbicaraan disambung semula pada 2.15 petang, Anwar memberitahu mahkamah beliau menerima laporan kedua yang didakwa mengandungi nama beberapa orang yang terlibat dalam konspirasi untuk menjatuhkannya.

Menurutnya laporan itu yang disediakan oleh cawangan khas untuk Perdana Menteri, diterimanya antara 9 dan 10 malam, pada September 1997.

Anwar berkata beliau membuat kesimpulan bahawa dakwaan terhadapnya dibuat selepas laporan itu disediakan, setelah dibincangkan dengan Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri ketika itu, selepas jaminan oleh Peguam Negara, selepas kenyataan dibuat oleh Ketua Polis Negara dan selepas perbincangan dengan Anggota Parlimen dari Umno.

Anwar berkata terdapat perubahan sikap polis terhadap selepas satu laporan polis dibuat berhubung buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh

Jadi PM".

Katanya perubahan itu juga ada kaitan dengan kedudukan politik dan ekonomi dalam negara serta dasar yang berbeza mengenai pengendalian krisis kewangan.

Ekoran keputusan mahkamah itu, Raja Aziz menyoal Anwar mengenai suratnya kepada Dr Mahathir bertarikh 25 Ogos 1998 yang menurutnya, pada masa itu beliau dapat merasakan mengenai buruk sangka terhadapnya dalam siasatan polis.

Paul mengingatkan pihak pembelaan supaya menjuruskan kepada isu itu selepas Anwar menyebut mengenai rumah Datuk S. Nallakaruppan.

Anwar memberitahu mahkamah bahawa keterangan mengenai perkara itu relevan untuk membuktikan salah laku polis apabila mereka menangkap Nallakaruppan, iaitu rakan tennisnya, bagi membantu mereka dalam siasatan berhubung buku "50 Dalil" itu.

Katanya beliau mengesyaki penangkapan Nallakaruppan ada kaitan dengan konspirasi itu kerana soalan yang dikemukakan kepada Nallakaruppan semasa siasatan, antaranya menyentuh dakwaan yang beliau (Anwar) terlibat dalam salah laku seks dan mengkhianati negara.

"Itulah sebabnya saya syak penangkapan Datuk Nalla bermotifkan politik kerana polis, sebagai alat kerajaan, telah digunakan," katanya.

-- BERNAMA

NHD MAI